

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN BARU BIAN (SELANGAU)**

**TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN BARU BIAN [ SELANGAU ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapa kelewatan dan kos tambahan Projek Lebuh Raya Pan Borneo disebabkan oleh pandemik COVID-19. Adakah kontraktor boleh menuntut kerugian dan perbelanjaan lain dan bila dijangka tarikh siap projek tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak kini sedang dilaksanakan secara konvensional dengan kerjasama JKR Sarawak susulan daripada penamatan Perjanjian Rakan Pelaksana Projek (Project Delivery Partner Agreement – PDPA). Sehingga bulan Ogos 2021, status kemajuan terkini adalah 70% bagi projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak dari Telok Melano ke Miri dengan jangkaan siap sepenuhnya pada September 2022.

Sama seperti projek-projek Kerajaan lain, wabak Covid-19 telah memberi kesan ke atas kemajuan kerja dan kos pembinaan Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak. Sehubungan itu pelbagai *mitigation plan* sedang dilaksanakan antara lainnya penyelarasan semula jadual pembinaan dan Lanjutan Masa (Extension Of Time - EOT) bagi memastikan kelancaran dan kelangsungan projek. Berdasarkan terma-terma kontrak sedia ada, Kerajaan boleh mempertimbangkan EOT dan kos tambahan *secara case to case basis* bagi kelewatan bukan disebabkan oleh kontraktor. Dengan mengambil kira peningkatan harga bahan binaan di pasaran, Kerajaan turut mempertimbangkan permohonan *Variation of Price* (VOP) tertakluk kepada kadar dan terma-terma yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.